

# 30 minit jinakkan keli gergasi 13 kilogram

SH 1/3/2021 MIS 23

## SABAK BERNAM -

Seorang pemancing berjaya menaikkan ikan keli Afrika seberat 13 kilogram (kg) menggunakan jaring di Sungai Kuala Pintu Air Batu 39, di sini pada Sabtu.

Khairul Anuar Hamid, 55, berkata, dia bersama anaknya, Abdul Naim, 26, dan seorang lagi rakannya berjaya menaikkan ikan keli gergasi itu pada jam 9.30 pagi.

Menurutnya, dia yang memasang jaring pada mulanya mahu menjerat ikan tapah, namun tidak menyangka memerangkap ikan sepanjang 1.5 meter itu.

“Saya mengambil masa 30 minit untuk menaikkan ikan itu yang sudah dalam keadaan lemah.

“Ini kali pertama saya menaikkan ikan keli gergasi sejak aktif memancing semasa di sekolah rendah lagi,” katanya.

Katanya, kebiasaannya dia menangkap ikan keli bersaiz sederhana yang mempunyai berat anggaran 500 gram hing-



**Khairul Anuar bersama keli Afrika seberat 13 kg yang ditangkapnya menggunakan jaring di Sungai Kuala Pintu Air Batu 39 pada Sabtu.**

ga mencecah dua kilogram sahaja.

Khairul Anuar berkata, ikan keli itu diberi kepada rakan dan selebihnya dibakar untuk makan bersama keluarga.

“Rakan-rakan berita-

hu rasa isi keli gergasi ini liat, tapi setelah dibakar kami hanya mengambil isinya.

“Rasanya sedap lebih-lebih lagi dicicah dengan air asam,” katanya.